

## GURU BERSAHSIAH MULIA MENURUT PANDANG IBNU SAHNUN: ANALISA BUKU ADAB AL MUALIMIN

Siti Salwa Md. Sawari [1], Azlina Mustaffa [2]

[1] Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia,  
Kuala Lumpur  
salwa.sawari@gmail.com

[2] Kulliyah Pendidikan  
Universiti Islam Antarabangsa  
Malaysia  
azlina910@yahoo.com

### ABSTRACT

This paper aimed at exploring the view of Ibn Sahnun, a famous scholar in the field of education in the second century of Hijrah. This paper will review the criteria of noble personality educator described by him. In this study, the researchers used content analysis methodology regarding the views expressed by Ibn Sahnun. Through this study, the researchers found that Ibn Sahnun defined the role of educators thoroughly, covering things that need to be implemented, virtuous noble personality of an educator, and the limits to being an educator. When an educator can implement all valid hadiths guide given, then continuity, harmony and success in the educational process can be achieved. The results from this paper are expected to serve as guidelines for educators to ensure continuity in the education process.

**Keywords:** Noble Personality, Ibn Sahnun, Educators Role

### PENDAHULUAN

Dalam dunia pendidikan, pendidik adalah unsur utama yang perlu ada bagi memastikan kelangsungan perjalannya (Gamal, 2003). Tanpa kehadiran seorang pendidik, keberhasilan pendidikan tidak akan dapat di peroleh. Guru sebagai seorang penyampai ilmu, perantara maklumat atau duta pengetahuan di dalam proses pendidikan menjadikan mereka akar kepada keberhasilan pendidikan. Oleh yang demikian pendidik memainkan peranan yang penting dalam menjamin kelangsungan proses pendidikan (Azhar, Abdul Hafiz, Azmi Shah, Kamarul & Mohd Ismail, 2006). Menurut Ying (2006), untuk melahirkan para pelajar yang mempunyai daya pemikiran analitikal, kritis, kreatif, dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku di sekeliling mereka, pendidiklah yang bertanggungjawab untuk menjadi pemangkin wadah perjuangan ini.

Selain daripada itu juga, pendidik berkemampuan untuk mengubah persekitaran di sekolah. Kajian yang dijalankan oleh Hanim dan Siti Maisarah (2011) mendapati pendidik mempunyai perkaitan yang positif dengan penentuan iklim di sekolah. Suasana dan persekitaran sekolah sedikit sebanyak dipengaruhi oleh para pendidik yang menetap di sekolah meliputi sistem, tatacara, undang-undang dan aktiviti yang dilaksanakan adalah berdasarkan idea yang lahir dari para pendidik itu. Jika sesebuah sekolah didokongi oleh para pendidik yang berpandangan jauh, berakhlik mulia, berfikiran positif maka produk keluaran sekolah jua pasti akan menjadi baik.

Ini membuktikan bahawa para pendidik sebenarnya memainkan peranan yang penting mempengaruhi akhlak dan disiplin para pelajar. Pendidik di sekolah bukan sahaja bertanggungjawab sebagai penyampai ilmu bahkan bertanggungjawab untuk mendidik akhlak dan mengawal tindak tanduk anak didik mereka. Perkara ini dijelaskan oleh Azizi, Jamaluddin dan K. Shoba (2010) mengenai berkebolehan guru dalam menilai perkembangan pelajar dan berupaya menentukan kaedah-kaedah yang berkesan bagi mendidik para pelajar supaya lebih berdisiplin.

Perkara di atas secara tidak langsung menjelaskan betapa besarnya tanggungjawab seorang pendidik. Mereka menggalas amanah yang suci untuk memastikan keberhasilan dan kelangsungan dalam proses pendidikan. Namun begitu semua perkara ini hanya dapat direalisasikan jika para pendidik itu dapat meneladani dan mematuhi kod etika pendidik dan akhlak yang mulia (Baharin & Suzana, 2010).

### Penyataan Masalah

Seorang pendidik perlulah menjadi teladan yang baik kepada para pelajarnya (Gamal, 2003). Mereka perlu sentiasa menunjukkan contoh teladan kepada para pelajar, ini kerana sebagai seorang duta ilmu, pengetahuan, kelakuan dan tindak tanduk mereka sentiasa diperhatikan (Ab halim, Hamdi, Rosadah, & Safani, 2013). Oleh yang demikian seorang guru haruslah memperlengkap diri mereka dengan ilmu pengetahuan dan akhlak yang mulia supaya kelak segala amal kebaikan yang diajar akan dicontohi. Seterusnya ianya dapat memastikan kelangsungan dalam proses menyampaikan ilmu pengetahuan. Walaupun kesedaran tentang perkara ini amat jelas di kalangan masyarakat umum dan pendidik itu sendiri, namun begitu masih terdapat sebahagian dari para pendidik yang tidak tahu, atau gagal memahami etika dan tatasusila perguruan yang diperlukan (Baharin & Suzana 2010).

Lantaran, lambakan isu-isu terkini yang mencemarkan imej perguruan seperti "Guru Warga Malaysia ditangkap menipu peniaga Berlian di India" (Utusan, Januari 3, 2013), "Guru yang menghina militer Malaysia ditangkap" (Merdeka.com, 2013) dan " Guru ditangkap khalwat dalam semak" (Sinar Harian, Mac, 8, 2013). Fenomena tersebut seharusnya tidak terjadi di kalangan guru-guru jika mereka benar-benar mematuhi etika sahsiah mulia seorang pendidik. Oleh yang demikian, pengkaji menganggap perlu mengupas peranan-peranan sahsiah mulia yang telah ditetapkan oleh para ulama terdahulu supaya boleh dijadikan teladan dan panduan terutama golongan pendidik yang hanya berpandukan buku teks dari Barat.

### Objektif kajian

Secara umumnya, artikel ini bertujuan untuk menyelusuri pandangan Ibnu Sahnun mengenai kriteria-kriteria sahsiah mulia pendidik seperti yang dijelaskan oleh beliau. Secara spesifiknya objektif artikel ini adalah untuk mengenal pasti peranan asas bagi seorang guru, mengenal pasti apakah ciri-ciri sahsiah mulia yang perlu ada dalam diri seorang guru dan mengenal pasti batas-batas yang perlu dijaga oleh seorang guru. Di samping itu, penulisan artikel ini dapat menjadi garis panduan kepada para pendidik untuk memastikan kelangsungan dalam proses pendidikan serta menyumbang kepada peningkatan mutu perkhidmatan para pendidik dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada mereka.

### Pengenalan Ibn Sahnun.

Abu Abdullah Muhammad bin Abi Sa'id Sahnun atau lebih dikenali sebagai Ibnu Sahnun dilahirkan pada tahun 202 hijrah di Kota Ghadat, Maghribi. Beliau dibesarkan oleh ayahandanya (as-Salam) dan diberi didikan awal di *Al-Kuttab* iaitu tempat untuk menimba ilmu Al-quran dan beberapa ilmu asas seperti membaca dan menulis. Sepanjang hidup Ibnu Sahnun, beliau berguru dengan ulama terkenal seperti Musa bin Muawiyah al-Samadihi (225H), Abd Aziz Bin Yahya Al-Madani (240h), Abdullah Bin Abi Hisan Al- Yahsabi(226H) dan ramai lagi ilmuan dan ulama terkenal. (Gamal, 2003)

Dikenali sebagai tokoh pendidik dalam bidang ilmu fiqh, Ibnu Sahnun meneruskan hayatnya dengan memberi beberapa sumbangan seperti memegang jawatan Qadi di Afrika termasuk Tunisia, Algeria dan Barat Libya. (Sha'ban, 1992) Selain itu, beliau mendalami dan menyebarkan Mazhab Malik. Ibnu Sahnun memiliki sifat-sifat yang merangkumi kepintarannya, cara berpakaian, gaya hidup dan perilaku dengan pemimpin sehingga beliau menjadi contoh dan ikutan masyarakat pada zaman tersebut. (Gamal, 2003)

Justeru, dalam karyanya *Adab Al-Muallimin*, banyak idea dan cetusan mengenai dunia pendidikan terutama bab yang menyentuh tentang hubungan antara pendidik dan pelajar serta pendapatnya digunakan oleh sebahagian besar tokoh terkenal seperti Al-Qabisi. Hayatnya tidak panjang, Ibnu Sahnun wafat pada usianya 54 tahun dan dimakamkan di Bab Nafi' Qairawan bersebelahan makan ayahandanya (Gamal, 2003 & Sha'ban, 1992).

## METODOLOGI KAJIAN

Metod kajian adalah satu cara untuk menyelesaikan masalah (Chinnathambi, Philominathan & Rajasekar, 2013). Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan adalah satu kaedah saintifik yang berhubung kait dengan kandungan. Ia merujuk kandungan mengenai maksud, isi, dan maksud tersirat di dalamnya (Prasad, 2013). Sampel kajian ialah buku *adab al mualimin*. Pemilihan buku ini kerana ia adalah kitab pertama dalam Islam yang memfokuskan prinsip pendidikan dari peringkat rendah lagi. Ilmu yang terkandung didalamnya juga, adalah hasil daripada soalan-soalan yang diajukan daripada anak muridnya sendiri dan disusun menjadi sebuah buku. Tambahan pula, buku ini menjadi rujukan oleh tokoh-tokoh Islam terkenal seperti al-Qabisi, Ibnu Khaldun, al-Ghazali serta tokoh-tokoh moden Islam yang lain. (Mohd Shukri, 2009). Analisa data dibuat secara kualitatif dengan tema-tema yang dibentuk berdasarkan penemuan kajian.

## PENEMUAN DAN PERBINCANGAN

### Peranan asas pendidik

Pendidik telah diamanahkan untuk mendidik dan melaksanakan kewajipan yang telah ditetapkan oleh pihak atasannya mereka. Dalam melaksana perkara ini, Ibnu Sahnun menjelaskan bahawa terdapat beberapa perkara asas yang perlu dititik beratkan oleh seorang pendidik.

- i) Mengajar

Bagi Ibnu Sahnun mendidik merupakan tugas dan tanggungjawab yang besar. Oleh yang demikian profesionalisme seorang pendidik harus dijaga. Jika terdapat perkara lain hadir ketika melaksanakan tanggungjawab ini, seperti perkara fardu kifayah, maka pendidik masih perlu melihat tanggungjawab mendidik sebagai perkara utama. Ini kerana menuntut ilmu satu perkara wajib, dan mendidik orang menjadi insan berilmu adalah kewajipan pendidik, manakala solat jenazah adalah perkara fardu kifayah.

Selain daripada itu, pendidik harus peka bahawa, apabila proses pengajaran bermula, tumpuan masa mereka adalah untuk mengajar. Pendidik perlu memperuntukkan masa untuk mendidik para pelajar dan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan anak didiknya menguasai mata pelajaran yang diajarkan kepada mereka. Beliau menyatakan;

“ Hendaklah seorang guru selalu bersungguh-sungguh dan sepenuh jiwa mencurahkan perhatian kepada murid-muridnya. Dia tidak boleh menshalati jenazah, kecuali pada keadaan dimana (jenazah) itu termasuk orang yang harus mendapatkan perhatian darinya. Sebab ini adalah pekerjaan profesional, sehingga tidak boleh tidak meninggalkan pekerjaannya, tidak boleh mengiringikan jenazah, dan tidak boleh pula menjenguk orang yang sakit (Ibnu Sahnun, ms. 359)”

“Seorang guru menetapkan suatu waktu tertentu dimana dia mengajari mereka menulis, dan membuat mereka saling membandingkan kualiti (kerjanya) masing-masing, sebab itu termasuk hal yang akan memperbaiki dan mematangkan mereka. Sesungguhnya pula ia membolehkan mereka untuk memberi saksi satu sama lain, namun jangan lebih dari tiga kali. Dia tidak boleh memukul kepala maupun wajahnya. Dia tidak boleh menghalanginya dari makanan dan minuman yang dikirimkan untuknya ( Ibnu Sahnun, ms. 359).”

Sahnun berkata, “Ia harus mengajari mereka wudhu’ dan shalat, sebab itu merupakan (inti) agama mereka. Demikian pula jumlah rakaat, sujud, bacaan-bacaan di dalamnya, takbir, bagaimana tatacara duduk, takbiratul ihram, dan salam. Juga apa yang harus mereka kerjakan dalam shalat, tasyahhud, dan Qunut Shubuh, sebab hal itu merupakan sunnah shalat dan menjadi kewajiban yang senantiasa dikerjakan oleh Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam, sampai Allah mewafatkannya. Kemudian, para imam sepeninggal mereka pun senantiasa mengerjakannya. Tidak seorang pun diantara mereka yang diketahui meninggalkan Qunut dalam shalat Fajar karena mereka membencinya. Mereka adalah para (khalifah) yang bijaksana dan mendapatkan

hidayah, yaitu Abu Bakar, 'Umar, 'Utsman dan 'Ali. Mereka semua mengerjakan Qunut, juga orang-orang yang mengikuti di belakang mereka (Sahnun, ms. 362).

"Hendaklah ia selalu memperhatikan murid dengan mengajarkan doa-doa, agar mereka mencintai Allah; dan mengenalkan mereka kepada keagungan serta kemuliaan-Nya, agar mereka membesarakan Allah karenanya (Sahnun, ms. 362)."

ii) Prihatin terhadap anak murid.

Penemuan kedua ialah pendidik hendaklah sentiasa prihatin terhadap anak murid mereka. Sentiasa mengambil berat terhadap persekitaran yang berlaku di dalam kelas dan juga di luar kelas. Pada waktu persekolahan, pendidik perlu mencerahkan perhatian secara langsung kepada anak didiknya dan tanggungjawab ini juga berterusan hingga dia mampu memastikan anak didiknya sampai ke rumah dengan selamat (Gamal, 2003). Pendidik juga harus prihatin terhadap persekitaran di dalam bilik darjah, jika ia mendapati anak didiknya tidak hadir dia hendaklah berusaha mendapatkan informasi sebab ketidakhadiran pelajar tersebut. Perkara ini dinyatakan

"Hendaklah guru sendiri yang memperhatikan murid-muridnya pada saat kepulangan mereka, dan memberitahukan kepada orang tua mereka bahwa mereka tidak datang (Ibnu Sahnun ms.358)".

"Guru tidak boleh sibuk sendiri sehingga tidak memperhatikan murid, kecuali pada waktu-waktu tertentu dimana dia tidak melalaikan (untuk mengawasi) mereka di saat (Ibnu Sahnun, ms. 359)."

Beliau berkata, "Hendaklah seorang guru selalu bersungguh-sungguh dan sepenuh jiwa mencerahkan perhatian kepada murid-muridnya (Ibnu Sahnun, ms. 359)."

### Ciri-ciri sahsiah mulia seorang pendidik

Di dalam buku adab-adab para guru karangan Ibnu Sahnun ini, terdapat beberapa perkara yang amat menarik untuk didalami dan dicontohi oleh para guru, antaranya adalah ciri-ciri sahsiah mulia seorang guru: ikhlas, bertakwa, adil, menepati masa, prihatin, amanah dan bertanggungjawab.

i) Ikhlas

Ibnu Sahnun menjelaskan bahawa untuk menjadi seorang guru mereka perlulah ikhlas dalam melaksanakan tugas, tidak mengungkit atau meminta-minta ganjaran terhadap ilmu yang telah diberikan, sehinggakan di dalam kitab ini, Ibnu Sahnun menjelaskan keikhlasan pendidik itu sampai ke tahap tidak mengharapkan apa-apa balasan terhadap ilmu yang diberi kepada murid.

Beliau berkata kepada saya: hal ini berlaku jika guru itu mengajar dengan upah tertentu (yang dia terima) setiap bulan atau setiap tahun. Adapun jika dia mengajar tanpa mensyaratkan upah; jika diberi maka dia terima, dan jika tidak diberi maka dia tidak minta apa-apa; maka ia boleh melakukan apa saja yang dikehendakinya (Ibnu sahnun ms. 357).

ii) Takwa

Kemudian Ibnu Sahnun meletakkan ciri penting takwa dalam diri seorang pendidik itu. Dari segi bahasa berasal daripada perkataan "wiyayah" : memelihara. Maksud kepada pemeliharaan itu adalah memelihara hubungan baik dengan Allah SWT., memelihara diri daripada sesuatu yang dilarangNya. Melaksanakan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya (Halaqah.net). Ia juga boleh lebih difahami sebagai memelihara diri dari segala larangan Allah, sebagaimana merujuk ayat suci Al-Quran:

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu ingat halal membuat sesuka hati mengenai syiar-syiar agama Allah dan mengenai bulan-bulan yang dihormati, dan mengenai binatang-binatang yang dihadiahkan (ke Mekah untuk korban) dan mengenai kalong-kalong binatang hadiah itu dan mengenai orang-orang yang menuju ke Baitullah Al-Haram, yang bertujuan mencari limpah kurnia dari Tuhan mereka (dengan jalan perniagaan) dan mencari keredaanNya (dengan mengerjakan ibadat Haji di Tanah Suci) dan apabila kamu telah selesai dari ihram maka bolehlah kamu berburu dan jangan sekali-kali kebencian kamu kepada suatu kaum kerana mereka pernah menghalangi kamu dari Masjidilharam itu, mendorong kamu menceroboh dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya) (Al-Maedah : 2).

“sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah takwa, memelihara diri (dari keaiban meminta sedekah) dan bertakwalah kepadaKu wahai orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya) (al-Baqarah 197).”

Apabila dikaitkan akhlak yang mulia ini dapatlah difahami bahwa, seorang pendidik yang mithali akan sentiasa melakukan perkara yang disuruh oleh Allah, menjaga segala tatatertib dalam agama, dan mampu memelihara diri dari segala jenis kerosakan agama. Apabila diamati perkara ini di dalam tulisan Ibnu Sahnun dapatlah kita selusuri bahawa beliau menjadikan takwa sebagai kunci utama bagi seorang pendidik. Di dalam buku ini, Ibnu Sahnun menjelaskan tanggungjawab guru mendidik para pelajar untuk melaksanakan segala perintah Allah, dan sudah semestinya guru tersebut perlulah melaksanakan perkara-perkara yang diarahkan dan menjadi contoh teladan kepada murid tersebut.

Sahnun berkata, “Ia harus mengajari mereka wudhu’ dan shalat, sebab itu merupakan (inti) agama mereka. Demikian pula jumlah rakaat, sujud, bacaan-bacaan di dalamnya, takbir, bagaimana tatacara duduk, takbiratul ihram, dan salam. Juga apa yang harus mereka kerjakan dalam shalat, tasyahhud dan Qunut Shubuh, sebab hal itu merupakan sunnah shalat dan menjadi kewajipan yang senantiasa dikerjakan oleh Rasulullah s.a.w., sampai Allah mewafatkannya. Kemudian, para imam sepeninggal mereka pun senantiasa mengerjakannya. Tidak seorang pun diantara mereka yang diketahui meninggalkan Qunut dalam shalat Fajar karena mereka membencinya (Ibnu Sahnun ms. 362).”

“Hendaklah ia selalu memperhatikan murid dengan mengajarkan doa-doa, agar mereka mencintai Allah; dan mengenalkan mereka kepada keagungan serta kemuliaan-Nya, agar mereka membesarkan Allah karenanya. Jika masyarakat tertimpa kekeringan dan Imam (yakni, pemimpin negeri) memohon turunnya hujan bersama masyarakat, lalu guru ingin keluar bersama sebagian diantara murid-muridnya yang sudah mengerti tatacara shalat; agar mereka bisa bersungguh-sungguh memohon kepada Allah dengan berdoa, berharap kepada-Nya (Ibnu Sahnun ms. 362).”

## ii) Adil

Ketakwaan seorang pendidik itu sudah semestinya disusuli dengan rasa adil. Para pendidik yang bertakwa akan sentiasa melaksanakan tugas pendidikan ini dengan penuh keadilan. Ini kerana seorang insan apabila dia mempunyai rasa takwa di dalam dirinya, maka segala tugas akan dilaksanakan pasti akan berlandaskan paksi kebenaran. Merujuk kepada apa yang diperjelaskan oleh Ibnu Sahnun di dalam bab perlakuan yang adil kepada murid

Dari Anas bin Malik, ia berkata: Rasulullah s.a.w, “Pendidik (mu’addib) mana saja yang menangani (pendidikan) tiga orang anak kecil dari umat ini, lalu ia tidak mengajari mereka secara sama, yang fakir bersama yang kaya di antara mereka, dan yang kaya bersama yang fakir di antara mereka, kelak pada Hari Kiamat ia akan digiring bersama para pengkhianat.” Kemudian beliau menyatakan dari Musa: dari Fudhail bin ‘Iyadh: dari Layts: dari al-Hasan, beliau berkata, “Jika telah ditetapkan (bagian) upah seorang guru , lalu ia tidak bersikap adil di antara mereka – yakni, anak-anak didiknya – maka ia dicatat termasuk golongan orang-orang zhalim (Ibnu Sahnun, ms. 355).”

iii) Menepati masa

Selain daripada itu ciri-ciri seorang pendidik yang berakhhlak mulia ialah menepati masa. Mereka mampu menyusun masa dan melaksanakan tugas mengikut ketetapan waktu. Pendidik tidak boleh sewenang-wenangnya menjalankan tugas mengikut keselesaan mereka, namun proses pembelajaran hendaklah dibuat pada waktu yang ditetapkan, oleh itu guru hendaklah sentiasa menepati masa.

“Hendaklah ia menjadikan pelajaran baca-tulis dimulai pada waktu Dhuha sampai mereka pulang. Tidak masalah bila ia mengatur mereka agar saling mengulangkaji satu sama lain, sebab hal itu bermanfaat bagi mereka. Hendaklah ia memeriksa ulangkaji yang mereka lakukan itu (Ibnu Sahnun ms. 361).”

“Hendaklah ia mengajarkan kepada mereka shalat-shalat sunnah, seperti dua rakaat (sebelum) shubuh, witir, shalat dua Hari Raya, istisqa’, dan khusuf; sehingga dia mengajari mereka agama yang akan mereka pergunakan untuk mengabdi kepada Allah, juga Sunnah-sunnah Nabi mereka (Ibnu Sahnun ms 362)”.

iv) Prihatin

Tambahan juga Ibnu Sahnun menjelaskan bahawa perlunya seorang pendidik itu mempunyai sifat prihatin terhadap anak didiknya. Rasa kasih sayang perlulah diwujudkan di dalam diri seorang pendidik terhadap anak didiknya, maka dengan itu pendidik akan mudah untuk membina hubungan yang harmoni bersama para pelajar. Apabila hubungan yang harmoni dapat dibina, maka guru akan sentiasa prihatin murid-murid. Rasa prihatin ini melengkapi, cakna dengan tindak tanduk pelajar, mengawasi tingkah laku, memberi pelajar sokongan dan pemantauan yang secukupnya, perkara ini banyak diperkatakan oleh Ibnu Sahnun di dalam kitabnya.

“Hendaklah guru sendiri yang memperhatikan murid-muridnya pada saat kepulangan mereka dan memberitahukan kepada orang tua mereka bahawa mereka tidak datang (Ibnu Sahnun ms 358).”

Beliau berkata, “Hendaklah seorang guru selalu bersungguh-sungguh dan sepenuhnya mencurahkan perhatian kepada murid-muridnya (Ibnu Sahnun, ms. 359).”

“Hendaklah ia selalu memperhatikan murid dengan mengajarkan doa-doa, agar mereka mencintai Allah; dan mengenalkan mereka kepada keagungan serta kemuliaan-Nya, agar mereka membesarakan Allah (Ibnu Sahnun, ms. 362).”

“Guru tidak boleh sibuk sendiri sehingga tidak memperhatikan murid, kecuali pada waktu-waktu tertentu di mana dia tidak melalaikan (untuk mengawasi) mereka di saat itu. Namun, tidak masalah bila dia bercakap-cakap sementara pada saat bersamaan dia melihat dan memperhatikan mereka (Ibnu Sahnun, ms. 359).”

v) Amanah dan bertanggungjawab

Selain itu juga Ibnu Sahnun meletakkan ciri-ciri amanah dan bertanggungjawab bagi para pendidik. Ini kerana apabila Ibu bapa memberi kepercayaannya kepada guru, mereka hendaklah menerima anak-anak ini sebagai amanah yang besar. Guru hendaklah melaksanakan tanggungjawab yang diberikan dengan sepenuhnya. Ini diperjelaskan dengan kata-kata Ibnu sahnun;

“Beliau berkata, Hendaklah seorang guru selalu bersungguh-sungguh dan sepenuh hati mencurahkan perhatian kepada murid-muridnya. Dia tidak boleh menshalati jenazah, kecuali pada keadaan dimana (jenazah) itu termasuk orang yang harus mendapatkan perhatian darinya (Ibnu Sahnun, ms. 360).”

“Guru tidak boleh sibuk sendiri sehingga tidak memperhatikan murid, kecuali pada waktu-waktu tertentu dimana dia tidak melalaikan (untuk mengawasi) mereka di saat (Ibnu Sahnun, ms. 359).”

Secara keseluruhannya dapatlah difahami bahawa Ibnu Sahnun menekankan pembinaan akhlak yang sahsiah mulia dalam diri pendidik, seorang pendidik perlulah melengkapkan diri mereka dengan kefahaman yang mendalam mengenai ahlak-ahlak yang terpuji.

### Batas-batas seorang pendidik

Ibnu Sahnun menetapkan bahawa, selain daripada perkara-perkara asas dan perkara yang wajib dilaksanakan oleh seorang pendidik, terdapat beberapa perkara yang menjadi larangan dan perlu dijauhkan oleh seorang guru. Perkara ini menjadi batas-batas yang perlu dijaga oleh seorang pendidik.

Antara perkara-perkara tersebut ialah;

- i) Tidak boleh mementingkan diri

Seorang pendidik itu tidak boleh mementingkan diri dengan mempergunakan anak muridnya untuk mendapat manfaat diri sendiri. Dia tidak boleh memaksa muridnya untuk mengikuti kehendaknya ketika proses pembelajaran berlaku untuk memenuhi keperluan sendiri. Ini jelas dari petikan berikut:

Dia berkata: beliau menyampaikan kepada kami, dari 'Abdurrahman: dari 'Ubaid bin Ishaq: dari Yusuf bin Muhammad, ia berkata: saya pernah duduk di samping Sa'ad al-Khauffaf, lalu anaknya datang sambil menangis. Beliau bertanya, "Nak, apa yang membuatmu menangis?" Dia menjawab, "Pak guru memukulku." Beliau pun berkata, "Jika demikian, demi Allah, sungguh akan aku sampaikan kepada kalian sebuah hadits. 'Ikrimah menyampaikan kepadaku: dari Ibnu 'Abbas, ia berkata: Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda, "Seburuk-buruk umatku adalah para guru anak-anak kalian. Mereka itu paling sedikit rasa sayangnya kepada anak yatim dan paling kasar kepada kaum miskin." Muhammad berkata: hal itu semata-mata karena dia (yakni, guru anak-anak) memukul murid-muridnya bila dia marah, dan bukan demi kebaikan mereka. Namun, tidak masalah untuk memukul mereka demi kebaikan mereka sendiri (Ibnu Sahnun ms 4).

Saya bertanya, "Apakah pemberian pada Hari Raya itu (boleh) ditetapkan?" Dijawab, "Tidak, kecuali jika mereka – yakni, para murid – bersedia secara sukarela untuk itu." Beliau berkata, "Tidak halal bagi guru untuk membebani murid-muridnya dengan sesuatu –selain upahnya – semisal hadiah, dan lain-lain. Dia pun tidak boleh meminta hal itu kepada mereka. Jika dia diberi hadiah dikarenakan (pembebanan yang dibuatnya) itu, maka haram. Kecuali, jika mereka memberi hadiah tanpa diminta; kecuali jika permintaan itu – dari pihak guru – berada dalam batasan yang wajar. Jika mereka tidak mau melakukannya, maka guru tidak boleh memukul mereka. Jika guru mengancam murid (bila tidak mau memberinya hadiah), maka hal itu tidak boleh baginya. Atau, dia membiarkan – yakni, tidak memukul – mereka bila mereka mau memberinya hadiah, maka hal itu pun juga tidak boleh. Sebab, tindakan membiarkan itu akan menjadi preseden bagi pemberian hadiah, dan itu adalah makruh (Ibnu Sahnun ms 6).

- ii) Tidak boleh mendapat kekayaan atau harta dengan usaha anak didiknya.

Perkara larangan kedua ialah guru tidak boleh mendapat kekayaan atau harta dengan usaha anak didiknya. Mereka tidak boleh mempergunakan anak didik mereka untuk mendapatkan kekayaan. Perkara ini terkeluar dari isu upah, kerana upah diperolehi dari usaha mendidik anak murid tersebut. Beliau menjelaskan bahawa

Muhammad berkata: saya hadir ketika Sahnun menetapkan (upah) untuk mengkhatakan (pelajaran) seseorang; dan hal itu disesuaikan dengan kemampuannya, apakah dia termasuk kalangan berada atau miskin. Pernah ditanyakan kepada beliau, "Apakah menurut anda seorang guru memiliki keleluasaan untuk memberikan izin (yakni, liburan) bagi anak-anak, selama sehari atau yang semisalnya?" Dijawab, "Itu sudah menjadi kebiasaan orang banyak, semisal (memberi izin libur) sehari atau sebagian hari. Namun, dia tidak boleh mengizinkan murid untuk (libur) lebih dari itu, kecuali atas persetujuan seluruh orang tua mereka, sebab ia (yakni, guru) diupah secara profesional oleh mereka (Ibnu Sahnun ms 357)."

"Seorang guru hendaknya mengusahakan sendiri susu dan roti (bagi dirinya), dan itu bukan kewajiban murid-muridnya. Ia wajib membayar sewa kios, dan itu bukan kewajiban murid-muridnya. Ia pun wajib memeriksa mereka, baik dengan memberi pelajaran maupun menyemak kerja mereka (Ibnu Sahnun, ms 360)."

Beliau berkata, "Tidak halal bagi guru untuk membebani murid-muridnya dengan sesuatu –selain upahnya – semisal hadiah, dan lain-lain (ms 358)."

Sahnun berkata, "Guru tidak boleh menyuruh anak-anak untuk memenuhi kebutuhan-kebutuhan pribadinya (Ibnu Sahnun ms. 361)."

### iii) Tidak boleh meninggalkan tanggungjawab untuk keperluan peribadi.

Selain daripada itu pendidik juga tidak boleh meninggalkan tanggungjawabnya untuk keperluan peribadi walaupun menunaikan solat jenazah, kecuali tiada dalam keadaan yang amat perlu dan penting sahaja. Tugas dan tanggungjawab adalah yang utama bagi mereka.

Beliau berkata, "Hendaklah seorang guru selalu bersungguh-sungguh dan total mencurahkan perhatian kepada murid-muridnya. Dia tidak boleh menshalati jenazah, kecuali pada kasus di mana (jenazah) itu termasuk orang yang harus mendapatkan perhatian darinya (ms 359)."


Tambahan pula Ibnu Sahnun ada menjelaskan bahawa, guru tidak mempunyai hak keizinan memberi cuti kepada seorang pelajar itu tanpa kebenaran dari pihak berkuasa, ini kerana mereka telah dibayar upah untuk melaksanakan tanggungjawab mendidik ini.

Pernah ditanyakan kepada beliau, "Apakah menurut anda seorang guru memiliki keleluasaan untuk memberikan izin (cuti) bagi anak-anak, selama sehari atau yang semisalnya?" Dijawab, "Itu sudah menjadi kebiasaan orang banyak, semisal (memberi izin bercuti) sehari atau sebagian hari. Namun, dia tidak boleh mengizinkan murid untuk (cuti) lebih dari itu, kecuali atas persetujuan seluruh orang tua mereka, sebab ia (yakni, guru) diupah secara profesional oleh mereka (Ibnu Sahnun, ms.357)."

Ketelitian Ibnu Sahnun menjelaskan tentang perkara larangan mencakupi pergaulan antara pelajar. Beliau mlarang berlakunya pencampuran antara pelajar lelaki dan perempuan. Seorang pendidik seharusnya mengawal keadaan kelas dan menghindari berlakunya pergaulan yang bebas antara pelajar ini.

Sahnun berkata, "Saya tidak menyukai bila guru mengajari anak-anak perempuan dengan mencampurnya bersama anak-anak lelaki, sebab hal itu akan merosak mereka." – yakni, merosak anak laki-laki (Ibnu Sahnun, ms. 363)."

Demikianlah antara perkara-perkara dan batas-batas yang perlu dijaga oleh seorang pendidik, mereka perlulah faham tugas dan tanggungjawab ini dan seterusnya tidak melampai batas-batas yang telah ditetapkan. Gambar rajah 1 akan menjelaskan rangkuman peribadi pendidik yang bersahsiah mulia.



**Rajah 1: Peribadi Guru Sahsiah mulia**

#### IMPLIKASI KAJIAN

*Adab al-Muallimin* adalah buku yang sangat penting sebagai sumber rujukan kepada para guru terutamanya dikalangan bakal guru. Sayangnya, pada masa kini, tidak banyak buku rujukan yang diambil daripada ilmuan Islam seperti kitab *adab al-muallimin* untuk di aplikasikan dalam kurikulum dan silibus Institut Perguruan sebagai memperkasakan dan membuat penambahbaikan kod etika perguruan yang sedia ada. Implikasinya juga dapat dilihat apabila tidak ramai yang mengetahui siapakah tokoh pendidikan Islam yang pertama di dalam Islam. Justeru, pihak yang berwajib haruslah mengambil langkah proaktif dalam memperkenalkan buku ini sebagai buku teks di Institut Perguruan atau sebagai garis panduan guru-guru yang telah mengajar di sekolah.

#### RUMUSAN

Secara kesimpulannya dapatlah difahami melalui analisa buku adab-adab guru yang ditulis oleh Ibnu Sahnun ia menjelaskan tentang peranan seorang pendidik dengan begitu mendalam sekali. Ini merangkumi perkara-perkara yang perlu dilaksanakan, akhlak mulia, dan batas-batas yang perlu dituruti oleh seorang pendidik. Apabila seorang pendidik mampu meneladani segala panduan yang diberi, maka kelangsungan, keharmonian dan keberhasilan dalam proses pendidikan akan dapat di tuai. Hasil dari artikel ini diharapkan dapat menjadi garis panduan kepada para pendidik untuk memastikan kelangsungan dalam proses pendidikan.

#### RUJUKAN

- Azizi, Y., Jamaluddin, R. dan K. Shoba, C. K. (2010). Faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah di Johor".
- Azhar, M., Abdul Hafiz, A., Azmi Shah, S. Kamarul Azmi, J. & Mohd Ismail, M. (2007). Tahap profesionalisme guru-guru pelatih pendidikan Islam dalam latihan praktikum. Universiti Teknologi Malaysia : Projek Sarjana Muda.
- Baharin, A. & Suzana, M. (2010). Pengetahuan Etika Profesional Perguruan dalam Kalangan Guru Pelatih 4sPH fakulti Pendidikan, UTM. Retrieved April 7, 2014.

[http://eprints.utm.my/10740/1/Pengetahuan Etika Profesional Perguruan Dalam Kalangan Guru Pe latih 4SPH Fakulti Pendidikan UTM.pdf](http://eprints.utm.my/10740/1/Pengetahuan_Etika_Profesional_Perguruan_Dalam_Kalangan_Guru_Perlatih_4SPH_Fakulti_Pendidikan_UTM.pdf)

Chinnathambi, V., Philominathan, P. & Rajasekar, S. (2013) Reserach methodology. Di ambil dari <http://arxiv.org/pdf/physics/0601009.pdf> pada 30/11/2013.

Gamal, A. N. Zakaria. (2003). Prinsip-prinsip pendidikan Islam. PTS Publication & Distributors SDN BHD. Pahang Darul makmur.

Merdeka.com (2013). Guru yang menghina milter Malaysia ditangkap polisi. Dilaporkan oleh Hery H Winarno.

Mohd Shukri & Pelajar ISMP (2009). Kaedah mengajar al-Quran menurut Ibnu Sahnun. Universiti Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim.

Hanim & Siti Maisarah, (2011). Sikap guru terhadap faktor penentu iklim sekolah di sebuah sekolah menengah swasta di daerah Johor Bahru. Retrieved April 7, 2014. [http://eprints.utm.my/11701/1/Sikap Guru Terhadap Faktor Penentu Iklim Sekolah Di Sebuah.pdf](http://eprints.utm.my/11701/1/Sikap_Guru_Terhadap_Faktor_Penentu_Iklim_Sekolah_Di_Sebuah.pdf)

Halaqah.net. (2009). Membina Taqwa dalam diri di ambil pada 31/10/2013 dari <http://halaqah.net/v10/index.php?topic=2908.0>

Ibnu Sahnun. (n.d) Adab Al Mualimin. Di ambil pada 31/11/2013 dari [http://adabuna.blogspot.com/2011/09/terjemah-adabul-muallimin-karya-ibnu\\_12.html](http://adabuna.blogspot.com/2011/09/terjemah-adabul-muallimin-karya-ibnu_12.html)

Ibnu Sahnun, (n.d). di ambil dari Fuad al-Ahwani. (1978). Al Tarbiyah fi al Islam, Nastrat al-Risalah al Mufassalah li Ahwal al-Mu'allimin wa Ahkam al-Mu'allimin, Mesir, Dar al.

Hamdi Ishak, Ab halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid & Safani Bari. (2013). Amalan pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di Sekolah kebangsaan pendidikan Khas (masalah Pendengaran). *Journal Islamic and Arabic* 4(2), 11-24.

Sha'ban, M. I. (1992). Muhammad Ibnu Sahnun: An educationist Faqih and A Faqih Educationist. International Islamic University Malaysia, Petaling Jaya.

Sinar harian. (8 Mac 2013). Guru ditangkap khalwat dalam semak, Wartawan Sinar Harian.

Utusan. ( 3 Januari 2013). Guru Warga Malaysia ditangkap menipu peniaga Berlian di India.

Ying, B. P. (2006). *Amalan reflektif ke arah peningkatan profesionalisme diri guru*. *Jurnal IPBA* 3(2), 102-109.